

# PENGETAHUAN DAN JANGKAAN PELABURAN DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Kanmani A/P Subramaniam<sup>1</sup>

Husniyah Abdul Rahim<sup>2</sup>

Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna<sup>1,2</sup>

Pusat Penyelidikan Penggunaan Lestari (SCoRE)<sup>2</sup>

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

## Pengenalan

Perkembangan kemudahan kewangan terutama kemudahan kredit, pelaburan dan perbankan memerlukan pengguna mempunyai pengetahuan kewangan supaya dapat menggunakan kemudahan sedia ada untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan individu. Kepelbagaian keperluan seperti simpanan untuk waktu kecemasan, pendidikan anak-anak, pengurusan kredit dan risiko (insurans/takaful), perancangan persaraan dan estet diikuti dengan sumber yang terhad merupakan cabaran pengurusan kewangan individu pada hari ini. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran merancang kewangan boleh mendatangkan masalah kewangan kepada individu itu sendiri (Mohd. Fazli *et al.*, 2006; Hira dan Loibl, 2005).

Kepentingan membuat keputusan pelaburan dengan teliti dan sistematik adalah penting dalam kalangan individu yang berminat untuk melabur. Hal ini kerana ia mempunyai kesan langsung ke atas kualiti hidup individu. Dengan ini, keputusan pelaburan seperti membuat pengumpulan dana dalam aktiviti pelaburan adalah untuk membayar wang pendahuluan pinjaman rumah atau kereta, pendidikan kanak-kanak, mencapai matlamat peribadi dan persaraan (Volpe, Chen, dan Pavlicko, 1996). Edward Lloyd pula telah memudahkan aktiviti pelaburan ini dengan mengembangkan industri insurans dan juga penyebaran maklumat mengenai pengambilan polisi insurans. Malahan, penglibatan dalam pelaburan merupakan salah satu teknik pemindahan risiko (Bailey dan Kinerson, 2005).

Sehubungan itu, antara strategi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha membuka ruang dan menggalakkan penglibatan individu perseorangan

adalah melalui penubuhan dana saham amanah, iaitu Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputra (ASB) supaya ia dapat meningkatkan tahap kesejahteraan kewangan individu. Ekspektasi individu dalam pelaburan dikenalpasti sebagai satu alternatif bagi penyediaan kewangan dengan meningkatkan pendapatan untuk menjamin masa hadapan mereka (Laporan Tahunan ASN, 2011).

Begitu juga, dalam kajian Husniyah dan Fazilah (2009) mendapati pelaburan merupakan faktor yang paling kuat dalam mempengaruhi kesejahteraan kewangan. Akan tetapi, tidak semua aktiviti pelaburan dijangka mendatangkan pulangan lumayan pada masa yang singkat, sebaliknya ia berkemungkinan mengakibatkan kerugian yang besar. Jadi, hal ini bergantung pada jenis pelaburan yang dipilih oleh individu semasa melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan. Jenis-jenis pelaburan terdiri daripada pelaburan tunai dan faedah tetap (simpanan bank atau tetap), stok, saham amanah, hartanah, bon, insurans atau takaful hayat dan foreks. Melabur dalam pelaburan tunai atau faedah tetap, seperti simpanan wang dalam akaun bank atau simpanan tetap adalah jenis pelaburan yang selamat dan tanpa risiko walaupun mendapat pulangan rendah berbanding dengan jenis pelaburan yang lain seperti stok (Mohamed, 2009).

Di samping itu, kerajaan juga telah menggalakkan pelaburan individu dalam saham ekuiti melalui Dasar Penswastaaan, iaitu organisasi kerajaan tertentu diswastakan dari segi pengurusan. Walau bagaimanapun, dalam kajian Guiso dan Jappelli (2005), mendapati penglibatan individu dalam pelaburan adalah rendah dan mereka mengabaikan pelaburan jenis saham. Diikuti pula, Haurin dan Morrow-Jones (2006) yang melaporkan pengetahuan kewangan individu di pasaran yang berbeza membawa kesan negatif ke atas aktiviti jenis pelaburan saham. Hal ini bergantung pada jangkaan individu terhadap jenis pelaburan saham yang boleh mendatangkan risiko tinggi.

Dalam kajian Lusardi dan Mitchell (2006) telah dikenal pasti bahawa berlaku kesukaran dalam menjawab persoalan-persoalan yang mudah berkenaan pengetahuan pelaburan. Hal ini boleh menyebabkan mereka kurang melabur untuk persaraan mereka. Malahan, individu yang mempunyai pengetahuan pelaburan tinggi tentang produk pelaburan dan transaksi, biasanya mereka melabur di peringkat antarabangsa dan juga mempelbagaikan pelaburan (Graham, Harvey, dan Huang, 2005). Bagi mengenal pasti sejauh manakah dapatan kajian Lusardi dan Mitchell adalah benar, dalam kajian ini lapar pernyataan benar berkenaan pengetahuan pelaburan telah dikemukakan untuk melihat apakah tahap pengetahuan pelaburan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Sementara itu, kebanyakan individu mula melabur semasa umur 30 tahun dan ke atas. Hal ini menunjukkan penglibatan pelajar dalam pelaburan masih berada tahap rendah (Guiso dan Jappelli, 2005), namun kemungkinan besar mereka mula melabur setelah memperoleh pendapatan benar atas sesuatu pekerjaan. Jadi, pelajar pada zaman kini harus lebih berwaspada dan peka dalam mengetahui tentang kepentingan pelaburan. Persediaan pelaburan ini juga dapat membantu mereka dalam memilih pelaburan yang bersesuaian mengikut kemampuan mereka. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang tahap pengetahuan dan jangkaan pelajar IPT terhadap pelaburan. Selaras dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Sejauhmanakah pengetahuan pelajar di IPT mengenai pelaburan?
- ii. Apakah jangkaan mereka untuk melabur dalam pelbagai jenis pelaburan berdasarkan pembezaan ciri latar belakang individu?

## **Objektif kajian**

Kajian ini menggariskan objektif-objektif yang berikut:

- i. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan mengenai pelaburan dalam kalangan pelajar IPT.
- ii. Untuk menentukan jangkaan pelaburan bagi pelajar IPT berdasarkan jenis pelaburan dan latar belakang individu.

## **Metodologi kajian**

Data kajian ini dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik dan diedarkan kepada mahasiswa IPT di Semenanjung Malaysia sahaja. Sebanyak empat IPT tempatan dipilih berdasarkan lokasi dan mudah untuk ditinjau iaitu Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Islam Antarabangsa. Seramai 250 pelajar pra-siswazah di setiap institusi dipilih secara persampelan mudah dengan diisi sendiri oleh mereka. Kutipan data dijalankan pada Semester 2 Sesi 2009/2010 dengan sejumlah 1000 siswazah terlibat secara langsung dalam kajian ini.

Borang soal selidik yang digunakan mempunyai tiga bahagian utama. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang responden, Bahagian B tentang pengetahuan mengenai pelaburan dan Bahagian C berkenaan jangkaan pelaburan berdasarkan jenis pelaburan yang mereka akan terlibat. Sebanyak lapan pernyataan benar yang digunakan bagi mengukur pengetahuan mengenai pelaburan dengan dirujuk daripada pelbagai sumber,

iaitu buku-buku kewangan dan kajian lepas. Respon bagi pengetahuan diberikan sebagai “Ya”, “Tidak” dan “Tidak Tahu”. Seterusnya, ini diikuti dengan soalan mengenai jangkaan pelaburan oleh mereka. Respon bagi soalan “Adakah anda akan melabur dalam jenis-jenis pelaburan berikut?” digunakan dan respon “Ya” bagi semua jenis pelaburan dijumlahkan bagi mendapatkan jumlah jenis jangkaan pelaburan.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package For Social Sciences*) Analisis deskriptif dijalankan bagi menerangkan latar belakang responden serta menentukan tahap pengetahuan pelaburan dan jangkaan pelaburan dalam kalangan pelajar berdasarkan jenis pelaburan. Tahap jangkaan pelaburan berdasarkan latar belakang responden, iaitu jantina dan pernah mengikuti kursus pelaburan ditentukan perkaitannya dengan menggunakan kaedah tabulasi silang.

## **Hasil kajian dan perbincangan**

### **Latar belakang responden**

Jadual 1 menunjukkan maklumat latar belakang demografi responden yang diperoleh adalah seperti jantina, umur, tahun pengajian, bangsa, mengikuti kursus pelaburan, penglibatan dalam bidang pelaburan dan jenis pelaburan. Daripada 1000 responden, didapati ramai responden ialah perempuan iaitu 59.9% manakala hanya 40.1% ialah golongan lelaki. Dari segi umur, 64.0% berumur antara 21 hingga 25 tahun, 34.4% berumur bawah 21 tahun dan hanya 1.6% yang berada dalam golongan berumur 25 tahun dan ke atas. Responden yang paling muda berumur 17 tahun sementara yang paling tua berumur 30 tahun, manakala purata umur keseluruhan adalah sekitar 21.45 tahun.

Merujuk kepada Jadual 1, didapati paling ramai responden merupakan pelajar tahun pengajian kedua (33.8%), selebihnya ialah pelajar tahun pengajian ketiga (31.4%), diikuti oleh pelajar tahun pengajian pertama (29.1%) dan pelajar tahun pengajian keempat (5.7%). Responden Melayu merupakan golongan terbesar (79.6%) berbanding dengan Cina (13.9%), selebihnya lain-lain (4.3%) dan India (2.2%). Diikuti dengan itu, didapati kurang daripada separuh responden (40.8%) mengambil kursus pelaburan sama ada di dalam atau di luar kampus.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

<b>Latar Belakang Responden</b>	<b>Frekuensi (N = 1000)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	401	40.1
Perempuan	599	59.9
<b>Umur</b>		
17-20 tahun	344	34.4
21-25 tahun	640	64.0
26-30 tahun	16	1.6
<b>Min:21.45 Tahun Pengajian</b>		
Pertama	291	29.1
Kedua	338	33.8
Ketiga	314	31.4
Keempat	57	5.7
<b>Bangsa</b>		
Melayu	796	79.6
Cina	139	13.9
India	22	2.2
Lain-lain	43	4.3
<b>Pernah Mengambil Kursus Pelaburan</b>	408	40.8
<b>Penglibatan dalam Pelaburan.</b>		
Ya	327	32.7
Tidak	673	67.3
<b>Jenis Pelaburan</b>		
Saham Amanah	117	11.7
Hartanah	9	0.9
Bon	8	0.8
Akaun Emas	18	1.8
Stok/Ekuiti	26	2.6
Foreks	6	0.6
Insurans/Takaful Hayat	185	18.5

Merujuk kepada Jadual 2, responden juga ditanya mengenai penglibatan dalam pelaburan. Didapati satu pertiga daripada responden (32.7%) terlibat dalam pelaburan. Insurans atau takaful hayat mencatatkan pelaburan tertinggi oleh pelajar (18.5%), manakala sebanyak 11.7% melabur dalam saham amanah, diikuti pula oleh pelaburan stok atau ekuiti (2.6%), akaun emas(1.8%), dan hanya sebanyak 0.9% melabur dalam hartanah,0.8% melabur dalam bon, sementara baki sebanyak 0.6% melabur dalam pelaburan foreks. Penglibatan paling tinggi dalam insurans atau takaful hayat ini berkemungkinan disebabkan oleh sebahagian polisi berkenaan dibeli oleh ibu bapa mereka sejak mereka kecil. Hal ini kerana ia merupakan pelaburan

berbentuk perlindungan yang amat penting sewaktu terjadi sesuatu yang tidak diingini seperti kematian, penyakit, kehilangan upaya dan pembiayaan rawatan hospital (Mohamed, 2009). Walau bagaimanapun, penglibatan dalam jenis pelaburan selain insurans atau takaful hayat boleh merupakan inisiatif pelajar berkenaan.

**Jadual 2: Taburan Penglibatan Dalam Pelaburan  
(N = 1000)**

<b>Pelaburan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Penglibatan dalam Pelaburan</b>	
Ya	32.7
Tidak	67.3
<b>Jenis Pelaburan (Ya)</b>	<b>Peratus (%) daripada N = 327</b>
Saham Amanah	11.7
Hartanah	0.9
Bon	0.8
Akaun Emas	1.8
Stok/Ekuiti	2.6
Foreks	0.6
Insurans/Takaful Hayat	18.5

## Pengetahuan pelaburan

Sebanyak lapan item dibentuk berdasarkan kajian lepas untuk mengukur pelbagai pengetahuan responden berkaitan aspek pelaburan. Tiga pilihan jawapan diberikan kepada responden iaitu “Ya”, “Tidak” dan “Tidak Tahu”. Perbincangan merujuk kepada jawapan “Ya” atau benar bagi setiap kenyataan benar. “Sekiranya saya tidak suka kepada risiko, jenis pelaburan yang saya mungkin pilih ialah bon kerajaan berbanding dengan saham amanah” merupakan pernyataan pelaburan yang paling banyak diketahui oleh responden, sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3, namun hanya satu pertiga (38.9%) daripada responden menjawab betul bagi pernyataan ini. seterusnya, ini diikuti dengan pernyataan mengenai stok, iaitu stok merupakan pelaburan berisiko tinggi yang menghasilkan pulangan yang tinggi (38.2%). Stok merupakan jenis pelaburan yang secara umumnya menawarkan perlindungan terbaik bagi inflasi dalam tempoh yang panjang (29.7%), dan semua jenis pelaburan berpulangan tinggi mempunyai risiko kerugian yang tinggi iaitu sebanyak 36.8%.

Dari segi pengetahuan mengenai pelaburan stok, hanya sebanyak 24.0% atau satu perempat daripada responden mengetahui mengenai aspek pelaburan

berikut, iaitu secara umum portfolionya dan 80% asetnya berbentuk stok adalah lebih sesuai bagi individu pertengahan umur yang melabur untuk tujuan persaraan berbanding dengan mereka yang muda atau yang tua. Begitu juga, hampir seperempat responden berpengetahuan mengenai cara untuk mengurangkan risiko pelaburan, iaitu jika mereka hanya melabur dalam stok tempatan, mereka boleh mengurangkan risiko keseluruhan dengan menambahkan stok antarabangsa dan sebanyak 22.5% responden menyatakan ‘Ya’ untuk pernyataan ini.

Sementara itu, kurang daripada satu pertiga (31.3%) responden menyatakan insurans atau takaful hayat boleh ubah dapat mengumpulkan nilai tunai dan cukai terhadapnya ditunda ke masa hadapan. Begitu juga, kurang daripada satu pertiga (30.2%) responden menyatakan ‘Ya’ untuk pernyataan atribut bagi saham amanah adalah kepelbagaian dan pengurusan profesional.

**Jadual 3: Pengetahuan Pelaburan**


Bil	Pengetahuan Pelaburan	Ya (%)
1	Semua jenis pelaburan samada saham amanah, stok, atau bon berpulangan tinggi mempunyai risiko kerugian.	36.8
2	Jika anda hanya melabur dalam stok tempatan, anda boleh mengurangkan risiko keseluruhan dengan menambahkan stok antarabangsa.	22.5
3	Atribut bagi saham amanah adalah kepelbagaian dan pengurusan profesional.	30.2
4	Stok ialah jenis pelaburan yang secara umumnya menawarkan perlindungan terbaik bagi inflasi dalam tempoh yang panjang.	29.7
5	Sekiranya saya tidak suka kepada risiko, jenis pelaburan yang saya mungkin pilih ialah bon kerajaan berbanding dengan saham amanah.	38.9
6	Secara umumnya, suatu portfolio yang mempunyai 80% daripada asetnya berbentuk stok adalah lebih sesuai bagi individu pertengahan umur yang melabur untuk persaraan berbanding dengan mereka yang muda atau yang tua.	24.0
7	Insuran/takaful hayat bolehubah dapat mengumpulkan nilai tunai dan cukai terhadapnya ditunda ke masa hadapan.	31.3
8	Stok adalah pelaburan berisiko tinggi yang menghasilkan pulangan yang tinggi.	38.2

*\*Semua pernyataan adalah benar*

Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan hanya sekitar suku hingga satu pertiga responden sahaja memperoleh jawapan yang betul bagi semua aspek pengetahuan pelaburan. Kajian juga menunjukkan secara keseluruhannya bagi kesemua pernyataan pengetahuan, separuh daripada

responden mengakui bahawa mereka tidak mengetahui mengenai aspek pelaburan yang ditanya. Hal ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden masih lagi kurang pengetahuan berkaitan pelaburan. Menurut pelbagai literatur kajian, sebab utama penduduk Amerika gagal untuk menguruskan kewangan peribadi mereka adalah kerana kurangnya pengetahuan pelaburan (ICFP, 1993). Hal ini kerana mereka tidak atau kurang menerima pendidikan pelaburan yang kukuh (Hira, 1993; O'Neil, 1993). Berdasarkan dapatan kajian ini, perkara yang sama turut terjadi di Malaysia.


Analisis lanjut dilakukan bagi mendapatkan gambaran mengenai tahap pengetahuan pelaburan responden dan diterangkan dalam Rajah 1. Bagi setiap jawapan yang betul diberikan satu markah manakala bagi jawapan yang salah atau tidak tahu tidak diberikan markah. Kemudian skor komposit bagi lapan item pengetahuan pelaburan dikira. Tahap pengetahuan pelaburan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah (0 hingga 2), sederhana (3 hingga 5) dan tinggi (6 hingga 8). Dapatan kajian menunjukkan bahawa separuh daripada responden dalam kajian ini mempunyai tahap pengetahuan pelaburan yang rendah (50.0%). Walaupun sebanyak 40.8% daripada responden pernah mengambil kursus pelaburan, mereka yang berpengetahuan tinggi dalam pelaburan adalah amat rendah (9.0%). Dapatan ini disokong oleh laporan *Harris Scholastic Research* (1993) yang menunjukkan bahawa kebanyakan siswazah mempunyai tahap pengetahuan pelaburan yang rendah dan tidak menerima pendidikan kewangan yang mencukupi.



**Rajah 1: Tahap Pengetahuan Pelaburan Responden**

## Jangkaan pelaburan berdasarkan jenis pelaburan

Berdasarkan Rajah 2, analisis terhadap jangkaan pelajar dalam pelaburan menunjukkan hanya satu pertiga sahaja dijangka akan melabur dalam pelbagai jenis pelaburan. Jenis pelaburan yang tertinggi yang dijangka untuk dilabur oleh pelajar ialah insurans atau takaful hayat (36.9%). Seterusnya, ini diikuti oleh jangkaan pelaburan dalam hartanah (23.2%), akaun emas (21.4%), saham amanah (18.6%), stok atau ekuiti (10.4%) dan selebihnya ialah bon (8.8%) dan foreks (6.7%). Jangkaan penglibatan paling tinggi dalam insurans atau takaful hayat ini berkemungkinan disebabkan ia merupakan salah satu teknik pengurusan risiko pelaburan yang agak mudah dan ia merupakan suatu alternatif kewangan semasa waktu kecemasan, seperti apabila berlaku kematian atau kemalangan. Menurut Mohamed (2009), apabila memilih aktiviti pelaburan, boleh dikatakan semakin tinggi pulangan, maka semakin tinggi risiko dihadapi oleh individu. Hal ini berkemungkinan menjadi salah satu sebab mengapa individu kurang cenderung menjangka untuk melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan yang berisiko tinggi seperti foreks.



**Rajah 2: Jangkaan Pelaburan Berdasarkan Jenis Pelaburan**

## Tahap jangkaan pelaburan berdasarkan latar belakang responden

### (a) Tahap jangkaan pelaburan mengikut jantina

Bagi membandingkan tahap jangkaan pelaburan mengikut jantina dalam kalangan responden, tabulasi silang dilakukan (lihat Jadual 4). Semua responden mempunyai jangkaan pelaburan pada tahap rendah sahaja. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar perempuan dijangka tidak melabur dalam mana-mana jenis pelaburan, iaitu 59.9%. Malahan, kalangan pelajar lelaki juga mempunyai tahap jangkaan pelaburan yang rendah, iaitu 40.1%. Hal ini menunjukkan bahawa semua pelajar kurang cenderung untuk melabur dalam pelbagai pelaburan tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Walau bagaimanapun, kajian Hira dan Mugenda (2000) melaporkan bahawa wanita lebih cenderung tidak berpuas hati dengan aktiviti pelaburan yang mendatangkan risiko tinggi kepada mereka berbanding dengan lelaki.

**Jadual 4** Tabulasi Silang Kategori Tahap Jangkaan Pelaburan Mengikut Tabulasi Jantina

Jantina	Jangkaan Pelaburan
	Rendah (%)
Lelaki	40.1
Perempuan	59.9

### (b) Tahap jangkaan pelaburan berdasarkan pernah mengikuti kursus pelaburan

Jadual 5 menunjukkan perbandingan bagi tahap jangkaan pelaburan berdasarkan kalangan responden yang pernah mengikuti kursus pelaburan setelah tabulasi silang dilakukan. Berdasarkan jadual ini, ia menunjukkan bahawa majoriti mereka tidak pernah mengikuti kursus pelaburan mempunyai tahap jangkaan pelaburan yang rendah (59.2%) dan selebihnya pelajar yang pernah mengikuti kursus pelaburan, iaitu sebanyak 40.8%. Hal ini menggambarkan bahawa individu yang mempunyai kurang pengetahuan dan kemahiran mengenai pelaburan boleh menyebabkan mereka tidak menguruskan aktiviti pelaburan dengan baik dan ia secara tidak langsung membawa risiko kewangan yang besar kepadanya (Kanmani, Mohd. Fazli dan Husniyah, 2012).

**Jadual 5**  
**Tabulasi Silang Kategori Jangkaan Pelaburan Berdasarkan Tabulasi**  
**Pernah Mengikuti Kursus Pelaburan**

Kategori Pernah Mengikuti Kursus Pelaburan	Jangkaan Pelaburan
	Rendah (%)
Ya	40.8%
Tidak	59.2%

## **Kesimpulan dan implikasi**

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti Dasar Penswastaaan dan memperkenalkan dana Amanah Saham Nasional serta Amanah Saham Bumiputra bagi memastikan individu terlibat dalam aktiviti pelaburan dan dapat menjana sumber pendapatan dengan meningkatkan kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Akan tetapi, melalui hasil kajian ini, didapati tahap pengetahuan dan jangkaan dalam pelaburan berada pada tahap rendah bagi pelajar, khususnya pelajar lelaki. Walaupun kerajaan telah mengamalkan beberapa strategi seperti menawarkan pelbagai jenis kursus pelaburan untuk memberi ilmu pengetahuan tentang pelaburan, namun masih ramai pelajar IPT mempunyai pengetahuan dan jangkaan pelaburan yang rendah.

Keputusan kajian ini memberi implikasi terhadap beberapa pihak, termasuk pengguna dan persatuan-persatuan pengguna. Sebenarnya, daripada hasil kajian didapati bahawa pelajar mempunyai asas pengetahuan pelaburan dengan menghadiri kursus pelaburan tetapi tidak semuanya melabur dalam pelaburan yang mendatangkan risiko seperti foreks. Bagi menangani masalah tersebut, pihak kerajaan dan pihak-pihak berkaitan harus memberi pendidikan pelaburan yang efektif dan berkesan bagi meningkatkan kemahiran pelaburan serta membekalkan maklumat yang benar tentang aktiviti pelaburan bagi kepentingan pelajar dan pengguna secara umumnya.

Namun begitu, pihak kerajaan juga perlu bertanggungjawab untuk mengawal selia semua transaksi pelaburan di bawah Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Dengan ini, kerajaan perlu terus memupuk dan mempertingkatkan kesedaran serta pengetahuan pengguna dengan memperkenalkan dasar-dasar kerajaan yang bermanfaat kepada pelajar dan pengguna. Sehubungan itu, hal ini dapat membantu pelajar dalam melindungi diri mereka daripada gejala penjual yang cuba mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi mereka melalui skim cepat kaya.

*\*Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA).*

## **Rujukan**

Bailey, J. J. & Kinerson, C. (2005). Regret avoidance and risk tolerance. *Financial Counseling and Planning*, 16, 23 - 28.

Garis Panduan Penswastaan. (1985). Unit Perancangan Ekonomi: Jabatan Perdana Malaysia.

Graham, J. R., Harvey, C. R., & Huang, H. (2005). *Investor Competence, Trading Frequency and Home Bias*. NBER Working Paper 11426: National Bureau of Economic Research, Inc.

Guiso, L. & Jappelli, T. (2005). Awareness and stock market participation. *Review of Finance*, 9(4), 537 - 567.

Haurin, D. R. & Morrow-Jones, H. A. (2006). The impact of real estate market knowledge on tenure choice: A comparison of Black and White households. *Journal of Housing Policy Debate*, 17(4), 625 - 653.

Hira, T. K. & Loibl, C. (2005). Understanding the impact of employer-provided financial education on workplace satisfaction. *Journal of Consumer Affairs*, 39(1), 173-194.

Hira, T. K. (1993). Financial management knowledge and practices: Implications for financial health. A Paper Presented at the Personal Economic Summit '93, Washington, D.C.

Hira, T. K. & Mugenda, O. M. (2000). Gender differences in financial perceptions, behaviors and satisfaction. *Journal of Financial Planning*, 13(2), 86-72.

Harris Scholastic Research (HSR). (1993). Liberty Financial Young Investor Survey. New York.

Husniyah, A. R. & M. Fazilah. A. S. (2009). The impact of financial management practices on financial well-being of families in Malaysia. *Malaysian Journal of Consumer*, 12(Jun), 27-41.

Kanmani, S., Mohd. Fazli, S., & Husniyah, A. R. (2012). Jangkaan Pelaburan bagi Belia IPT. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7, 105-124.

Mohamed, A. S. (2009). *Celik Wang: Pengurusan Wang Secara Bijak* (1<sup>st</sup> ed.). Kuala Lumpur: Penerbit AKPK.

Mohd. Fazli, S., Mohd. Amim, O., Jariah, M., & Laily, P. (2006). *Perancangan Kewangan Mahasiswa*. Petaling Jaya: Gems Publishing Sdn. Bhd.

Laporan Tahunan Amanah Saham Nasional (2011). Amanah Saham Nasional Berhad. Dimuat turun dari laman web: <http://www.asnb.com.my/ASB%20n%20ASN.pdf>

Lusardi, A. & Mitchell, O. S. (2006). *Financial Literacy and Planning: Implications for Retirement Well-Being*. The Wharton School: Pension Research Council Working Paper 1.

O'Neill, B. (1993). *Assessing America's Financial IQ: Reality, Consequences, and Potential for Change*. A Paper Presented at the Personal Economic Summit '93, Washington, D.C.

The Institute of Certified Financial Planners (ICFP). (1993). *'Financial illiteracy' Plagues Americans*, (Survey Report). Denver, CO.

Volpe, R. P., Chen, H., & Pavlicko, J. J. (1996). Personal investment literacy among college students: A survey. *Financial Practice and Education*, 6(2), 86-94.